

# KURSUS PENGURUSAN JENAZAH PERDANA PU SUBANG



[airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/4707-kursus-pengurusan-jenazah-perdana-pu-subang](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/4707-kursus-pengurusan-jenazah-perdana-pu-subang)

SUBANG, 20 Mac 19 - Pejabat Agama Pangkalan telah menganjurkan Kursus Pengurusan Jenazah Perdana peringkat Pangkalan bertempat di Masjid PU Subang bermula jam 8 pagi sehingga 1 tengahari. Seramai 120 orang peserta telah terlibat dengan program ini yang terdiri daripada pegawai, anggota, ahli BAKAT dan penjawat awam di Pangkalan ini.

Kursus Pengurusan Jenazah telah dipimpin oleh staf bahagian dakwah Jabatan Agama Islam Selangor, Ustaz Zainuddin bin Abu Bakar dan Ustazah Siti Mariam binti Shafie serta dibantu oleh fasilitator yang terdiri daripada staf Pejabat Agama Pangkalan.



